

**KOD LAPORAN PENYELIDIKAN: KUIM  
P(1)/A/2004**

**KAJIAN PROGRAM LATIHAN  
KHIDMAT NEGARA  
(KUMPULAN 'HARDCORE')**



**Penyelidik:**

**Prof. Dr. Datin Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim  
Prof. Madya Dr. Naim Hj. Ahmad  
En. Abd Hamid Bin Abd Murad**

GIFT / DONATION SUMBANGAN IKHLAS WITH BEST COMPLIMENTS	
FROM	PPPP Kulm -
DATE	28.10.2004
ACC. NO	0000020796

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA  
KUALA LUMPUR  
JULAI 2004**

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, bersyukur kami ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kasih sayangnya dapat kami menyiapkan penyelidikan Program Latihan Khidmat Negara (Khas). Penyelidikan di bawah kod KUIM P(1) /A/ 2004 ini tidak akan dapat diselesaikan tanpa kerjasama dari semua pihak yang terbabit.

Setinggi-tinggi penghargaan diajukan kepada pihak Universiti KUIM kerana meluluskan dan mengeluarkan peruntukan bagi melaksanakan penyelidikan ini. Kepada pihak penganjur Program Latihan Khidmat Negara (PLKN), jutaan terima kasih diucapkan kerana tanpa kebenaran dan kerjasama pihak PLKN, sudah tentu penyelidikan ini tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Terima kasih juga diucapkan kepada Jawatankuasa Latihan Khidmat Negara (JLKN), barisan jurulatih, para kaunselor dan urusetia program yang terdiri daripada kakitangan kerajaan dan swasta serta mahasiswa universiti yang tidak jemu-jemu memberikan kerjasama dan toleransi yang baik dalam menjayakan penyelidikan ini. Kepada pihak kem yang terlibat, kami menghargai segala kemudahan dan hubungan erat yang terbina sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Kepada Rektor KUIM, Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hussin, idea dan pandangan serta komen Dato' sangat kami dihargai. Tidak dilupakan kepada Prof Dr. Mohamed Asin Dolah, selaku Timbalan Rektor, Akademik dan Penyelidikan, terima kasih atas bimbingan dan kerjasama yang diberikan dalam penyelidikan ini. Seterusnya kepada seluruh para pegawai dan kakitangan KUIM yang secara langsung atau tidak langsung memberikan komitmen dan kerjasama dalam menyokong dan menjayakan penyelidikan ini, kami dengan penuh takzim mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih. Kepada barisan pembantu penyelidikan yang sentiasa diingati: Wan Mohd Fazrul Azdi, Azril Hairi, Syafirulhafizan dan Mohamad Isa, kerja keras anda bukannya untuk kami semata-mata, tetapi untuk kebaikan semua pihak yang mempunyai kepentingan ke atas penyelidikan ini. Anggaplah usaha ini sebagai satu permulaan gemilang anda dalam menceburi bidang akademik yang semakin mencabar.

Akhir sekali, kepada semua yang terlibat, sama ada secara langsung mahupun tidak, jutaan terima kasih kami ucapkan. Semoga kita dapat mengambil segala iktibar dan pengajaran yang sangat berguna serta dapat berkongsi pengalaman dengan apa yang diperolehi hasil daripada penyelidikan ini.

Sekian, terima kasih.

**Prof. Datin Dr. Hajjah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim**

Ketua Penyelidik,

**Prof. Madya Dr. Naim bin Hj. Ahmad**

Penyelidik,

**En. Abd Hamid bin Abd Murad**

Penyelidik,

**Kajian Program Latihan Khidmat Negara (Khas)**

## ABSTRAK

Kajian Program Latihan Khidmat Negara (Khas) ini adalah satu kajian berbentuk 'pemerhatian turut serta'. Kajian telah dijalankan di dua buah kem iaitu Kem Akademi Latihan Inovasi dan Motivasi (ALIM) dan Kem Bumi Jati. Kajian dijalankan selama tiga bulan ke atas 130 pelatih lelaki Program Latihan Khidmat Negara yang diasingkan kerana beberapa faktor yang dikenali sebagai 'hard core'. Matlamat kajian ialah untuk meneliti matlamat program khas ini, profil beberapa peserta yang terlibat, permasalahan pelatih, penghayatan agama, perkembangan diri, dan keberkesanan modul. Dapatan kajian menunjukkan matlamat kewujudan program ini tidak jelas. Majoriti pelatih yang berumur 18 tahun masih tidak matang dari segi emosi dan akal serta mengamalkan gaya hidup sosial yang bebas, terlalu memikirkan keseronokan dan mempunyai penghayatan agama yang rendah. Sebahagian daripada mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang rendah iaitu kurang daripada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Kekaburan tugas di antara jurulatih, fasilitator serta urusetia menjadi permasalahan utama program ini. Kajian ini juga telah mengambil beberapa pandangan daripada pihak jurulatih, fasilitator dan urusetia mengenai pencapaian program ini. Rata-rata mereka menyatakan bahawa program ini telah gagal mencapai matlamat yang sebenar. Hasil kajian, penyelidik telah mengemukakan beberapa cadangan, antaranya membuat penelitian yang lebih mendalam terhadap pemilihan pelatih-pelatih bagi program ini, menjalankan screening dadah, HIV dan AIDS, mengharamkan penggunaan telefon bimbit dan memberi penekanan yang serius terhadap masalah merokok sepanjang berada di kem. Tindakan segera juga harus diambil terhadap kelemahan modul dengan mewujudkan modul khusus bagi kem khas serta penekanan tahap disiplin yang tegas dan tinggi sepanjang latihan dilaksanakan.

## ABSTRACT

This research on the National Service Training Program (Special) was conducted based on 'participant observation' method. The research was conducted at two camps; they were *Akademi Latihan Inovasi dan Motivasi (ALIM)* and *Bumi Jati* Camps. The research was conducted over three months on 130 male National Service trainees that were separated due to several factors which identified the camps as 'hard core'. The main purpose of the research is to identify the objectives of why this special program was created, trainers' difficulties, the profile of the participants' involved, participants' religious understanding, participants' development and the effectiveness of the modules. The results of the studies showed that the objectives and purpose of creating this program was not clearly defined. A majority of the trainees were 18 years of age. Most of them were immature in terms of thoughts and emotions and lead a free lifestyle, and they have low religious background and understanding. Trainees have a low education background, attained a qualification less than a Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Unclear tasks between the trainers, facilitators, and the administrative staff were also identified as a main problem in this program. This research has taken into consideration the various observations from the trainers, facilitators and administrative staff regarding the achievement of the program whereby they are of the opinion that the program has not succeeded in attaining its actual objectives of the program. Several suggestions are recommended here in ensuring a better program in the future such as conducting a detailed study in the selection of the trainees for this program, conducting drug, HIV and AIDS screening tests on the trainees, prohibiting the use of mobile phones (hand phones), and prohibition of smoking while undergoing the programme. Immediate action has to be taken towards the weakness of the modules by creating specific modules for special camps and increase the participants' discipline during the training.

## المخلص

إن هذه الدراسة تدور حول البرنامج التدريبي لخدمات الوطن ( البرنامج الخاص )، وهي من نوع الدراسة المسحية التي تعتمد على مراقبة المشاركين (Participant Observation). وتجرى الدراسة بمركزين تدريبيين، وهما : المركز التدريبي بـ " Kem Akademi Latihan Inovasi dan Motivasi " ، والمركز التدريبي بـ " Kem Bumi Jati " لمدة ثلاثة أشهر على مائة وثلاثين مشاركا، والذين تم عزلهم لعدة أسباب خاصة معروفة بـ " Hard Core ". والهدف الرئيسي هو معرفة الأهداف المرسومة لهذا البرنامج التدريبي، وشخصية المشاركين ومشاكلهم، ومدى معاشتهم للتعاليم الدينية، وطريقتهم في بناء الشخصية، وفعالية المقررات المعدة. وتشير نتيجة البحث إلى أن هدف إيجاد هذا البرنامج مبهم غير واضح، ومعظم المشاركين الذين لم يتجاوز عمرهم ثماني عشرة سنة، لم يبلغوا مرحلة النضج من الناحية النفسية والعقلية، ويمارسون حياة اللهو، ويغرقون في اللغو دون المعاشة الحقيقية للتعاليم الدينية. وبعضهم كذلك يحمل المؤهلات العلمية المتدنية، أي الذين لم يتفوقوا في الشهادة الثانوية الماليزية (SPM). إن من بين المشاكل الرئيسة كذلك غموض دور المدربين والمشرفين والسكرتيريات في إدارة هذا البرنامج. وتأخذ هذه الدراسة وجهة نظر كل من المدربين والمشرفين والسكرتيريات عن نتيجة هذا البرنامج، حيث إن معظمهم يرون أن هذا البرنامج يفشل في تحقيق الأهداف المنشودة. لذا، فإن الباحثين قد اقترحوا بعض الاقتراحات، ومن بينها : إعادة النظر في اختيار المشاركين لهذا البرنامج، وإجراء الفحص الطبي للمخدرات، وتشخيص فيروس نقص المناعة المكتسبة (HIV) والإيدز (AIDS) لديهم، وتحريم استخدام الهاتف الجوال، مع التركيز الشديد حول مشكلة التدخين أثناء وجودهم في المركز التدريبي. ويلزم كذلك اتخاذ الإجراءات اللازمة العاجلة في تحسين المقررات بإيجاد المقرر الخاص المناسب، ورفع مستوى الانضباط والنظام طوال مدة البرنامج.

**KAJIAN PROGRAM LATIHAN  
KHIDMAT NEGARA  
(KHAS)**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	I
<b>ABSTRAK</b>	III
<b>ABSTRACT</b>	IV
<b><i>MULAKHKHAS AL-BAHTH</i></b>	V
<b>ISI KANDUNGAN</b>	IV

**1. BAB SATU**

<b>1.1 LATAR BELAKANG</b>	1
<b>1.2 OBJEKTIF PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA</b>	2
<b>1.3 PELAKSANAAN</b>	2
1.3.1 Strategi Pelaksanaan	3
a) Penempatan Berkhemah	3
b) Penempatan Berasrama	3
c) Pelatih	4
1.3.2 Modul	
a) Modul Fizikal	4
b) Modul Kenegaraan	5
c) Modul Pembinaan Karakter	6
d) Modul Khidmat Komuniti	6
<b>1.4 PERNYATAAN MASALAH</b>	7
<b>1.5 MATLAMAT KAJIAN</b>	7
<b>1.6 OBJEKTIF KAJIAN</b>	8
<b>1.7 PERSOALAN KAJIAN</b>	8
<b>1.8 LIMITASI KAJIAN</b>	9

<b>1.9 METODOLOGI KAJIAN</b>	9
1.9.1 Reka Bentuk Kajian	9
1.9.2 Lokasi Kajian	9
1.9.3 Subjek Kajian	10
<b>1.10 KAEDAH PENGUMPULAN DATA</b>	10
a) Instrumentation	10
<b>1.11 PENGANALISISAN DATA</b>	11

## **2. BAB DUA**

### **PENGANALISISAN DATA**

#### **Pengenalan** 12

#### **2.1 PROFIL RESPONDEN**

a) Etnik	13
b) Agama	14
c) Status Perkahwinan	15
d) Tahap Pendidikan	16
e) Tahap Pendidikan Mengikut Kaum	17
- Melayu	17
- Cina	17
- India	17
- Bumiputra Bidayuh	17
f) Taburan Tempat Tinggal	19
g) Pekerjaan Pelatih	20
h) Pekerjaan Waris	21
i) Kem Asal	23
j) Kesalahan Pelatih	24
k) Kesalahan Pelatih Mengikut Pecahan Kaum	25

#### **RUMUSAN** 26

<b>2.2 PROFIL PEMAHAMAN DAN PENGHAYATAN AGAMA PELATIH</b>	27
<b>2.3 ANALISIS PERKEMBANGAN DIRI (MENTAL, EMOSI DAN TINGKAHLAKU PELATIH-PELATIH DARI MINGGU KE MINGGU</b>	
Kem Bumi Jati, Klang	31
a) Minggu Pertama	31
b) Minggu Kedua	32
c) Minggu Ketiga	32
d) Minggu Keempat	34
e) Minggu Kelima	35
f) Minggu Keenam	37
g) Minggu Ketujuh	39
Kem ALIM, Jugra, Banting	
a) Minggu Pertama	41
b) Minggu Kedua	42
c) Minggu Ketiga	44
d) Minggu Keempat	47
e) Minggu Kelima	49
<b>2.4 PROSES PEMILIHAN PELATIH-PELATIH KE KEM KHAS DI KEM ALIM DAN KEM BUMI JATI</b>	52
a) Pandangan Pelatih	54
b) Pandangan Urusetia	55
c) Pandangan Jurulatih	56
d) Pandangan Kaunselor	57
<b>2.5 PERMASALAHAN PELATIH PROGRAM KHIDMAT NEGARA (KHAS)</b>	
a) Perubahan Tingkahlaku	58
b) Sosial dan Pegangan Agama	59
c) Pendidikan	61
d) Faktor Dalaman	62
e) Faktor Luaran	62
f) Seksual	63
g) Kawalan Emosi	63
h) Hubungan Kekeluargaan	64

i) Cita-cita dan Motivasi Diri	66
j) Kemahiran Kerja	67

## 2.6 KEBERKESANAN MODUL PROGRAM KHIDMAT NEGARA (KHAS)

a) Pelaksana Modul	69
b) Modul	69
c) Bentuk Modul	69
d) Pengisian dan Aktiviti Modul di Kem Khas	69
1) Kaunseling	69
2) Fizikal dan Disiplin	70
3) Program Lawatan	70
4) Perlawanan Sukan Persahabatan	70
5) Khidmat Komuniti	71
e) Tenaga Penggerak	71
f) Biro Tata Negara	71
g) Keberkesanan Modul	72
1) Tahap Kebolehan Pelatih Mengawal Emosi	73
2) Perubahan Tingkahlaku	73
3) Pembentukan Komunikasi dan Intergrasi Kaum, Budaya dan Agama	74
4) Tahap Rasa Patriotisme Diri Pelatih	74
5) Peningkatan Rasa Kesukarelawanan Pelatih dan Faktor Penggerak Motivasi Pelatih dalam Program	75
h) Pemerhatian Terhadap Keberkesanan Modul di Kedua-Dua Kem Latihan Khidmat Negara (Khas)	75
Kem Khas ALIM, Jugra	75
1) Penilaian Para Pelatih	75
2) Penilaian Para Fasilitator	77
3) Penilaian Para Jurulatih	78
4) Penilaian Para Urusetia	78
Kem Bumi Jati, Klang	79
1) Perubahan Tingkahlaku	79
2) Janji Pulang Ke Kem Asal	80
3) Mogok	80
4) Pergaduhan	81
5) Tahap Komunikasi	82
- Komunikasi di Antara Pelatih dengan Jurulatih	82
- Medium Penyampaian	83
- Komunikasi di Antara Pelatih dengan Urusetia	83
- Komunikasi di Antara Pelatih dengan Kaunselor	85

## **2.7 PANDANGAN PELATIH TERHADAP JURULATIH, KAUNSELOR, URUSETIA, POLIS DAN PIHAK KEM (KEM BUMI JATI)**

a) Pandangan Pelatih Terhadap Jurulatih	86
b) Pandangan Pelatih Terhadap Kaunselor	88
c) Pandangan Pelatih Terhadap Urusetia	89
d) Pandangan Pelatih Terhadap Pihak Polis	89
e) Pandangan Pelatih Terhadap Pihak Kem	90

## **2.8 PANDANGAN JURULATIH, KAUNSELOR, PIHAK KEM TERHADAP PELATIH (KEM BUMI JATI)**

a) Pandangan Jurulatih Terhadap Pelatih	91
b) Pandangan Kaunselor Terhadap Pelatih	91
c) Pandangan Pihak Kem Terhadap Pelatih	92

## **2.9 PANDANGAN PELATIH TERHADAP JURULATIH, KAUNSELOR, URUSETIA, DAN PIHAK KEM (KEM ALIM, JUGRA)**

a) Pandangan Pelatih Terhadap Jurulatih	94
b) Pandangan Pelatih Terhadap Kaunselor	95
c) Pandangan Pelatih Terhadap Urusetia	96
d) Pandangan Pelatih Terhadap Pihak Kem	96

## **2.10 PANDANGAN JURULATIH, KAUNSELOR, URUSETIA, DAN PIHAK KEM TERHADAP PELATIH (KEM ALIM, JUGRA)**

a) Pandangan Jurulatih Terhadap Pelatih	97
b) Pandangan Pihak Kem Terhadap Pelatih	97
c) Pandangan Kaunselor Terhadap Pelatih	98
d) Pandangan Urusetia Terhadap Pelatih	99

## **2.11 ISU-ISU BERBANGKIT**

a) Isu Keselamatan	99
b) Pelatih Lari dari Kem	99
c) Tahap Pemantauan Rendah	100
d) Pergaduhan	100

### **3. BAB TIGA**

#### **DAPATAN KAJIAN**

<b>3.1 MATLAMAT KEM YANG TIDAK JELAS</b>	102
<b>3.2 PELATIH</b>	
1) Pelatih yang Tidak Matang	103
2) Kehidupan Hedonisme	104
3) Orientasi Hidup ‘Suka Menuding Jari’	105
4) Tahap Pendidikan Yang Rendah dan Sejarah Persekolahan yang Menyukarkan	105
5) Amalan dan Penghayatan Agama yang Rendah	107
6) Toleransi Antara Kaum yang Rendah (Masalah Cross-Culture)	108
7) Sistem Pemilihan Pelatih Yang Tidak Jelas	110
8) Kesalahan	111
<b>3.3 KETIADAAN MODUL</b>	112
<b>3.4 KEKABURAN TUGAS ANTARA URUSETIA, JURULATIH DAN     FASILITATOR</b>	114
<b>3.5 FASILITATOR YANG BERTUKAR GANTI</b>	115
<b>3.6 SAHABAT MAHASISWA/URUSETIA</b>	116
<b>3.7 KEBERKESANAN MODUL KEPADA PELATIH</b>	116
Perubahan Tingkahlaku	117
Ketidakbolehan Mengawal Emosi	118
Toleransi Kaum yang Rendah	118
Tahap Patriotisme dan Sukarelawan	119
<b>3.8 PENILAIAN PROGRAM KHAS</b>	120
Penilaian Pelatih	120
Penilaian Fasilitator	120
Penilaian Jurulatih	121
Penilaian Urusetia	122

<b>RUMUSAN</b>	122
<b>3.9 CADANGAN</b>	123
1- Matlamat Yang Jelas	123
2- Kaedah Rujukan Pelatih	123
3- Keperluan Screening Dadah/ HIV/ AIDS	123
4- Pengharaman Rokok dan Telefon Bimbit	124
5- Pembinaan Modul	124
6- Kaunseling	125
7- Pemantauan	125
8- Pihak Sekolah	125
9-Model-Model Perubahan Tingkahlaku	126
10- Disiplin	126
11- Intergrasi Kaum	126
12- Peluang Kerjaya	127
13- Sistem Pemilihan Awal Pelatih	127

## **LAMPIRAN**

## **BAB SATU**

### **PROGRAM LATIHAN KHIDMAT NEGARA (KHAS)**

#### **PENGENALAN**

##### **1.1 LATAR BELAKANG**

Sebuah Jawatankuasa Kabinet mengenai Kerahan Tenaga telah dibentuk dalam Mesyuarat Kabinet pada 30 Oktober 2002 untuk mengkaji keperluan pelaksanaan Kerahan Tenaga ini. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Y.B. Menteri Pertahanan dan dianggotai oleh 7 Menteri, seorang Penasihat Perdana Menteri yang bertaraf Menteri dan 5 Timbalan Menteri.

Dalam mesyuarat pertama pada 12 November 2002, Jawatankuasa Kabinet Mengenai Kerahan Tenaga telah menerima penggunaan istilah Khidmat Negara bagi menggantikan istilah Kerahan Tenaga. Jawatankuasa Kabinet Mengenai Khidmat Negara (JKMKN) telah menubuhkan 4 buah Jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Kewangan, Jawatankuasa Kurikulum, Jawatankuasa Undang-Undang dan Jawatankuasa Logistik bagi membantu jawatankuasa ini menyediakan perancangan dan menyelaraskan keperluan pelaksanaan Program Khidmat Negara.

Kabinet pada 28 Mei 2003 telah meluluskan cadangan pelaksanaan Program Khidmat Negara dan Akta Latihan Khidmat Negara 2003. Dewan Rakyat meluluskan Rang Undang-Undang Akta Latihan Khidmat Negara pada 25 Jun 2003 manakala Dewan Negara meluluskan Rang Undang-Undang ini pada 7 Julai 2003.

## 1.2 OBJEKTIF PROGRAM KHIDMAT NEGARA

Program Khidmat Negara dilaksanakan bagi mencapai objektif berikut:

- i) Menanam semangat patriotisme di kalangan generasi muda atau remaja Malaysia;
- ii) Memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional; dan
- iii) Membentuk perwatakan positif (character building) menerusi nilai-nilai murni.

## 1.3 PELAKSANAAN

Dalam melaksanakan Program Khidmat Negara ini, beberapa aspek penting telah diambil kira seperti:

- i) Jangka masa latihan selama 3 bulan secara berkhemah dan berasrama;
- ii) Pelaksanaan pada tahun 2004;
- iii) Kemudahan infrastruktur latihan dan kemudahan-kemudahan asrama seperti di pusat IPTA sedia ada;
- iv) Implikasi kewangan;
- v) Menghadkan kesan ke atas sistem pembelajaran yang sedang berjalan; dan
- vi) Guna tenaga dari segi kepakaran dan pengalaman.

Seramai 85,000 remaja berumur 18 tahun telah menyertai program pertama ini. Mereka dipilih secara rawak dari 480,000 remaja lelaki dan perempuan yang lahir pada tahun 1986.

### **1.3.1 Strategi Pelaksanaan**

#### **a) Penempatan Berkhemah**

Modul ini melibatkan perkhemahan selama sebulan di pusat-pusat latihan fizikal bertujuan memupuk disiplin dan ketahanan diri, menanam semangat kerja secara berkumpulan (esprit de corp) dan sebagainya. Pusat-pusat latihan ini ditentukan berdasarkan ciri-ciri berikut:

- i. Setiap pusat latihan boleh memuatkan 1,000 orang pelatih bagi tujuan memudahkan pengurusan dan pembahagian kepada kumpulan-kumpulan kecil;
- ii. Lokasi penempatan di kawasan tepi hutan, pergunungan, tepi sungai atau tepi pantai;
- iii. Lokasi di setiap negeri
- iv. Mempunyai kawasan latihan dan aktiviti luar (outdoor) yang mencukupi untuk aktiviti daratan dan perairan;
- v. Kawasan sekitar mempunyai ciri-ciri penempatan dan latihan yang diperlukan untuk dibangunkan; dan
- vi. Mengambil kira kemudahan berdekatan seperti lapang sasaran, pengangkutan awam, tempat ibadat, hospital, balai polis, bank dan sebagainya.

#### **b) Penempatan Berasrama**

Penempatan berasrama menggunakan kemudahan IPTA dan Maktab Perguruan selama dua bulan untuk menjalankan aktiviti dan kurikulum, penerapan patriotisme, pembangunan watak dan khidmat masyarakat. Pelaksanaan program latihan selama dua bulan ini disesuaikan dengan cuti panjang atau cuti semester bagi IPTA dan Maktab Perguruan.

### **c) Pelatih**

Kelompok pertama pelatih yang akan menjalani Program Khidmat Negara ini adalah mereka yang lahir pada tahun 1986, umumnya, mereka yang berada di tingkatan lima pada tahun 2003. Jumlah pelatih yang disasarkan untuk program ini pada tahun 2004 ialah 100,000 orang daripada anggaran kira-kira 480,000 orang yang layak. Memandangkan hanya 85,000 orang sahaja yang dipilih untuk menjalani latihan Khidmat Negara ini, maka sistem pemilihan berasaskan komputer diwujudkan.

Secara umum, majoriti pelatih terdiri daripada remaja Melayu beragama Islam (60%), 26 peratus Cina dan 8 peratus India. Pada tahap pertama pelatih diberikan latihan di kem-kem latihan diikuti dengan IPTA. Buat pertama kalinya, sebanyak 10 IPTA telah terlibat dalam menjayakan program khidmat negara ini buat pertama kalinya.

Mereka yang terpilih telah mengikuti program ini selama tiga bulan dengan empat modul yang disediakan iaitu :

Modul Latihan Fizikal

Modul Kenegaraan

Modul Pembinaan Karektor

Modul Khidmat Komuniti

### **1.3.2 Modul**

#### **a) Modul Fizikal**

Modul fizikal dilaksanakan untuk membina kemahiran dan ketahanan mental, emosi, spiritual dan fizikal bagi menjadikan pelatih Program Latihan Khidmat Negara sebagai warganegara yang berkesan. Secara khususnya, latihan-latihan yang dilalui dapat mengeratkan perpaduan di kalangan pelatih, mempertingkatkan ketahanan mental bagi tujuan hidup (survival), daya kepimpinan, disiplin dalaman, keyakinan diri, kemahiran

bekerja sebagai ahli dalam satu pasukan, kemahiran menyelesaikan masalah, membuat keputusan secara individu dan berkumpulan. Di samping itu, pelatih dilatih untuk belajar melalui pengalaman dalam aktiviti-aktiviti seperti kawad, kraf hutan, pertolongan cemas, membaca peta, kompas, latihan pandu arah, menyeberangi sungai, merempuh halangan, aktiviti menggunakan tali (litar tali tinggi dan rendah), merentas desa, seni mempertahankan diri, aktiviti air, kembara hutan dan lain-lain. Modul ini dilaksanakan selama empat minggu dalam dan di persekitaran tapak perkhemahan.

## **b) Modul Kenegaraan**

Modul Kenegaraan diaplikasikan untuk memperluaskan pengetahuan tentang kenegaraan (nation-building) dan meningkatkan perasaan cinta serta pengorbanan para pelatih program kepada negara. Melalui latihan dalam kumpulan, jurulatih memimpin kumpulan untuk mempelajari tentang kenegaraan yang merangkumi tanahair, rakyat, kerajaan, kedaulatan dan cabaran-cabaran dalam dan luar negara. Melalui elemen tanahair, pelatih dibantu membina serta memupuk rasa sayang kepada tanahair dan sanggup mempertahankannya. Pelatih membincangkan tentang negara dari aspek geografi, keindahan bumi ini, hasilnya, sempadan dan lain-lain. Pelatih dapat mengetahui asal-usul pelbagai ras, etnik, membina rasa sayang sesama etnik dan antara etnik, memahami kepentingan bersatu padu melalui aktiviti seperti menganalisis fakta tentang etnik, mengharmonikan perbezaan, memahami persamaan dan sebagainya melalui elemen rakyat. Elemen kerajaan pula membantu pelatih memahami bagaimana negara (tanahair, rakyat dan kedaulatan) ini ditadbir dan diurus, melalui sistem pentadbiran, undang-undang, perlembagaan dan lain-lain. Pelatih memahami kepentingan dan cara untuk mempertahankan kebebasan negara melalui elemen kedaulatan. Cabaran dari dalam dan luar negara juga diperbincangkan supaya pelatih menyedari peluang dan cabaran yang datang berterusan. Modul ini dilaksanakan selama tiga minggu dan pelbagai kaedah digunakan seperti lawatan, simulasi, lakonan, dinamik kumpulan, menonton gambar, melukis, berdebat, mentafsir peristiwa dan lain-lain.

### **c) Modul Pembinaan Karakter**

Modul Pembinaan Karakter dilaksanakan untuk membina karakter yang berkesan merangkumi diri, keluarga, komuniti dan negara. Terdapat dua komponen yang dilalui pelatih pertama berfokus kepada pembinaan diri dan kedua tentang diri dengan orang lain. Di dalam komponen pertama, pelatih melalui proses penerokaan diri sendiri, menyedari dan mengenal pasti ciri-ciri diri (seperti aspek kepimpinan), memperkayakan kekuatan dan memulihkan kelemahan diri. Pelatih menyedari tentang penglibatan orang lain dalam kehidupan mereka, mengetahui kemahiran untuk bekerja sebagai ahli satu pasukan, cara bertindak sebagai pemimpin dalam kumpulan, dan mengatasi masalah di dalam kumpulan semasa melalui komponen kedua modul ini. Melalui aktiviti-aktiviti ceramah, permainan, latihan dan lain-lain, pelatih belajar tentang kejujuran, membuat pilihan, bertanggungjawab, memimpin, menunaikan janji (komitmen) dan membina keyakinan diri. Modul ini dilaksanakan selama dua minggu dan pelatih dipimpin oleh jurulatih.

### **d) Modul Khidmat Komuniti**

Modul Khidmat Komuniti dilaksanakan untuk mempertingkatkan semangat kesukarelaan di kalangan pelatih. Para pelatih mempelajari melalui pengalaman di kawasan kejiranan, kerja dalam perkhidmatan sosial, alam sekitar dan kemudahan awam. Aktiviti sukarela yang dijalankan seperti mengkaji keadaan di lokasi tema-tema tersebut, mengenal pasti masalah yang ada, memberi cadangan, membuat kerja pembaikan, pembersihan, penceriaan, pengindahan dan lain-lain. Bagi tema kejiranan, perkhidmatan sukarela dilaksanakan untuk keluarga atau penduduk di kawasan perumahan, kampung, kampung baru, ladang, rumah panjang, rumah pangsa, kampung orang asli, FELDA dan lain-lain. Sumbangan kerja sukarela dalam perkhidmatan sosial meliputi aspek kesihatan, pendidikan, kebajikan, perumahan dan sebagainya dalam organisasi, institusi, pertubuhan kerajaan ataupun badan bukan kerajaan. Bagi alam sekitar pula, pelatih membantu memelihara alam sekitar termasuklah hutan, sungai,

kawasan pertanian, penternakan, perindustrian, pantai, dan sebagainya. Kerja sukarela juga dilakukan ke atas kemudahan awam yang disediakan seperti taman rekreasi, pasar, stesen bas, keretapi, perpustakaan, lif, taman permainan, tandas awam, pondok telefon, dewan orang ramai dan lain-lain. Modul ini dilaksanakan selama tiga minggu.

#### **1.4 PERNYATAAN MASALAH**

Program Khidmat Negara telah bermula buat kali pertama di negara ini. Pelaksanaan program yang besar ini telah menimbulkan masalah, terutama keperluan mengasingkan sebilangan para pelatih yang dikenal pasti sebagai 'hard core', kumpulan ini telah mendatangkan beberapa masalah dalam melaksanakan modul yang disediakan.

Oleh kerana kumpulan ini tidak termasuk dalam perancangan awal, maka adalah wajar satu kajian rapi dijalankan ke atas mereka yang telah dilabel sebagai 'hard core' mereka perlu dikenalpasti siapakah mereka ini, apakah pemasalahan mereka dan sejauh manakah keberkesanan modul yang diberikan. Dalam program ini, seramai 130 pelatih telah dikenal pasti sebagai 'hardcore'. Seramai 58 orang ditempatkan di Kem Bumi Jati dan 72 orang di Kem ALIM

#### **1.5 MATLAMAT KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk memahami profil pelatih dalam kumpulan 'hard core' ini. Apakah masalah yang dihadapi oleh mereka dan keberkesanan modul yang dilaksanakan.

## 1.6 OBJEKTIF KAJIAN

1. Memahami matlamat diwujudkan kem khas ini.
2. Meneliti profil pelatih yang berada di kedua-dua kem.
3. Memahami proses pemilihan pelatih yang dilaksanakan di kedua kem ini.
4. Memahami permasalahan yang dihadapi oleh pelatih 'hard core' PLKN.
5. Mengenal pasti pemahaman dan penghayatan agama pelatih.
6. Melihat perkembangan diri (mental, emosi, tingkahlaku) pelatih dari minggu ke minggu.
7. Menilai kesan modul yang dijalankan dari segi perubahan masalah yang dihadapi
8. Menilai kesan dari segi kebolehan mengawal emosi
9. Menilai kesan modul terhadap mengawal tingkahlaku
10. Menilai kesan modul dari segi peningkatan komunikasi yang baik
11. Menilai kesan modul terhadap peningkatan rasa patriotik pelatih
12. Menilai kesan modul terhadap prasa kesukarelawananan pelatih
13. Melihat pandangan pelatih terhadap jurulatih.
14. Melihat pandangan pelatih terhadap kaunselor.

## 1.7 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini akan cuba untuk menjawab persoalan berikut:

1. Apakah matlamat kem ini diwujudkan?
2. Bagaimanakah proses pemilihan pelatih dilaksanakan di kedua-dua kem ini?
3. Bagaimanakah bentuk profil pelatih yang berada di kedua-dua kem ini .?
4. Apakah bentuk permasalahan yang dihadapi oleh pelatih 'hard core' ini ?
5. Sejauhmana pemahaman dan penghayatan agama pelatih?
6. Bagaimanakah perkembangan diri (mental, emosi, tingkahlaku) pelatih dari minggu ke minggu?
7. Apakah kesan modul kepada PLKN dari segi perubahan bentuk masalah yang dihadapi ?
8. Bagaimanakah kesan dari segi kebolehan mengawal emosi?

9. Bagaimanakah kesan modul terhadap mengawal tingkahlaku?
10. Bagaimanakah kesan modul dari segi peningkatan komunikasi yang baik?
11. Bagaimanakah kesan modul terhadap peningkatan rasa patriotik pelatih?
12. Bagaimanakah kesan modul terhadap rasa kesukarelawanan pelatih?
13. Apakah pandangan pelatih terhadap jurulatih PLKN?
14. Bagaimanakah pandangan pelatih terhadap kaunselor PLKN?

## **1.8 LIMITASI KAJIAN**

Oleh kerana kajian ini dibuat ke atas jumlah yang kecil, mungkin ia tidak perlu dilakukan secara umum. Kajian ini berbentuk kajian kes yang melibatkan kesemua pelatih yang telah ditempatkan di kedua-dua kem khas tersebut.

## **1.9 METODOLOGI KAJIAN**

### **a) Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk triangulasi, beberapa cara digunakan untuk mendapatkan data. Kaedah 'participant observation' telah digunakan memandangkan beberapa kaedah lain mungkin tidak dapat memberikan data yang diperlukan. Terutama apabila terdapat beberapa pelatih yang kurang mahir membaca dan menulis. Dua orang penyelidik telah tinggal bersama pelatih bagi setiap kem. Penyelidik telah turut serta bersama dengan pelatih dalam semua aktiviti mereka sambil mendengar perbualan dan perbincangan mereka, memerhati dan membuat temubual secara bebas kepada pelatih.

### **b) Lokasi kajian**

Kajian ini dijalankan di dua buah kem khas iaitu di Akademi Latihan Inovasi dan Motivasi, Jugra (ALIM) dan Kem Bumi Jati. Kedua-dua kem ini agak terpencil dan berjauhan dari bandar raya.

### **c) Subjek Kajian**

Seramai 130 orang pelatih lelaki menjadi responden kajian ini. Mereka ini dipilih dari kem-kem IPTA lain yang dianggap bermasalah. Pelatih dikehendaki tinggal di kem ini selama dua bulan dan mengikut aktiviti yang telah dirancang.

## **1.10 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Bahan-bahan tulisan yang digunakan oleh jurulatih atau pihak pengendali kursus juga dikumpulkan untuk dijadikan bahan bagi menjawab beberapa soalan kajian.

### **a) Instrumentation**

Beberapa langkah diambil untuk mendapatkan data seperti berikut:

Setiap hari penyelidik menuliskan segala perkara yang terjadi, dilihat, dirasakan dan didengar. Bagi maklumat yang terdapat di dalam persoalan kajian, temubual dijalankan dengan pelatih, jurulatih, urusetia, kaunselor, penyelaras dan mereka yang berada di kawasan kem.

Penyelidik juga cuba:

1. Mendapatkan luahan perasaan pelatih dari hari ke hari dan dianalisis tema dan isinya. Penghasilan perasaan adalah secara bebas.
2. Temubual dilakukan menyentuh perkara berikut:
  1. Pandangan mengenai proses pemilihan ahli
  2. Profil pemahaman dan penghayatan agama
  3. Profil pemasalahan diri
  4. Perkembangan diri dari masa ke semasa

5. Pandangan kepada jurulatih / kaunselor
6. Pandangan mengenai tahap patriotisme
7. Pandangan terhadap modul yang diikuti

### 3. Pemerhatian

1. Pembantu penyelidik yang telah dilatih untuk meneliti dan memerhati untuk mendapatkan data yang diperlukan ditempatkan di kedua-dua kem, mereka membuat pemerhatian turut serta dalam kajian.
2. Dua orang pembantu penyelidik ditempatkan di setiap kem dan dan membuat catatan dari masa ke semasa sepanjang masa berada dengan para pelatih.
3. Semua catitan dianalisis oleh penyelidik untuk menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan.

## 1.11 PENGANALISISAN DATA

Data dianalisis menggunakan kaedah kualitatif. Data yang telah dikumpul dianalisis mengikut tema dan peratusan.

## **BAB DUA**

### **PENGANALISISAN DATA**

#### **PENGENALAN**

Kajian ini telah dijalankan di dua buah kem iaitu Kem Bumi Jati (KBJ) dan Kem Akademi Latihan Inovasi dan Motivasi (ALIM). Seramai 130 pelatih telah mengikuti program ini yang dijalankan mulai 17 April 2004 hingga 4 Jun 2004. Seramai 130 pelatih telah diambil dan dibawa masuk secara berperingkat-peringkat dari kem-kem PLKN di seluruh negara. Program ini memerlukan pelatih tinggal sepenuh masa di kem untuk mengikuti aktiviti-aktiviti dalam program seperti dalam program latihan khidmat negara yang asal.

Program Latihan Khidmat Negara (Khas) ini telah diselenggarakan sepenuhnya oleh Biro Tata Negara (BTN). Kedua-dua kem ini merupakan kem khas iaitu kem untuk pelatih-pelatih yang dikenali sebagai 'hard core'. Pelaksanaan dan pendekatannya adalah berbeza daripada kem-kem PLKN yang lain.

## 2.1 PROFIL RESPONDEN

### a) Etnik

Daripada 130 pelatih, seramai 77 pelatih berketurunan Melayu, 31 pelatih Cina dan 21 pelatih India dan lain-lain 1 ( Bumiputra Bidayuh). (Jadual 1)

Jadual 1 : Pecahan Pelatih Mengikut Etnik .  $N = 130$

Etnik	<i>f</i>	%
Melayu	77	59.3
Cina	31	23.8
India	21	16.2
Lain –lain	01	0.7
<b>JUMLAH</b>	<b>130</b>	<b>100</b>

## b) Agama

Majoriti pelatih beragama Islam iaitu seramai 77 orang, diikuti pelatih beragama Buddha seramai 30 orang, Hindu seramai 20 orang, Kristian dua orang dan hanya seorang pelatih beragama Taoism. (*Jadual 2*)

Jadual 2 : Pecahan Pelatih Mengikut Agama.  $N = 130$

Agama	<i>f</i>	%
Islam	77	59.3
Buddha	30	23.0
Hindu	20	15.4
Kristian	02	1.6
Taoism	01	0.7
<b>JUMLAH</b>	<b>130</b>	<b>100</b>

### c) Status Perkahwinan

Terdapat tiga orang pelatih yang sudah berkahwin, bakinya (127) masih bujang. Daripada tiga orang pelatih yang sudah berkahwin, dua daripadanya Cina dan seorang India. (Jadual 3)

Jadual 3 : Pecahan Pelatih Mengikut Status Perkahwinan.  $N = 130$

Status	$f$	%
Bujang	127	97.7
Kahwin	03	2.3
<b>JUMLAH</b>	<b>130</b>	<b>100</b>

#### d) Tahap Pendidikan

Majoriti pelatih yang terlibat dalam PLKN Khas ini mempunyai latar belakang pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) iaitu seramai 65 orang (50%). 32 orang (24.6%) memiliki sijil Penilaian Menengah Rendah (PMR), 15 orang (11.5%) UPSR, 9 orang (6.9%) hanya tamat tingkatan 2, 4 orang pula (3.1%) di tingkatan 3 (tidak sempat mengambil peperiksaan PMR), 3 orang (2.3%) di tingkatan 1 dan seorang pelatih (0.8%) hanya tingkatan 4. Seorang pelatih Melayu yang tidak diketahui latar belakang pendidikannya. (Jadual 4)

Jadual 4: Pecahan Pelatih Mengikut Tahap Pendidikan.  $N = 130$

Tahap Pendidikan	<i>f</i>	%
SPM	65	50.0
Ting 4	01	0.8
PMR	32	24.6
Ting 3	04	3.1
Ting 2	09	6.9
Ting 1	03	2.3
UPSR	15	11.5
Tidak diperolehi	01	0.8
<b>JUMLAH</b>	<b>130</b>	<b>100</b>

## **e) Tahap Pendidikan Mengikut Kaum**

### **Melayu**

Daripada 77 orang pelatih Melayu, 49 orang mempunyai tahap pendidikan sehingga SPM. 22 orang mendapat pendidikan setakat PMR, 3 orang pelatih di tingkatan 2 dan 2 orang pelatih hanya setakat UPSR. Seorang pelatih tidak dapat dikenal pasti tahap pendidikannya.

### **Cina**

Komposisi pelatih Cina di kedua-dua kem khas merupakan etnik kedua terbesar iaitu seramai 31 orang. Daripada jumlah itu, 13 pelatih hanya mendapat pendidikan setakat UPSR, 5 orang pelatih mendapat pendidikan setakat tingkatan 2, manakala 4 orang pelatih tamat belajar di tingkatan 3 dan 3 orang pelatih mempunyai sijil PMR. 2 orang pelatih lagi menamatkan pendidikan setakat SPM.

### **India**

Seramai 21 orang pelatih India telah dicatatkan di kedua-dua kem ini. Daripada jumlah itu, seramai 13 orang menamatkan pendidikan sehingga SPM. 7 orang pelatih setakat PMR dan hanya seorang pelatih telah menamatkan pendidikan di tingkatan 2.

### **Bumiputra Bidayuh**

Hanya terdapat seorang pelatih bumiputra Bidayuh di kem khas ini dan telah menamatkan pendidikan di peringkat SPM. (*Jadual 5*)

Jadual 5 : Pecahan Tahap Pendidikan Pelatih Mengikut Kaum.N = 130

<b>Etnik</b> <b>Pendidikan</b>	<b>Melayu</b>	<b>Cina</b>	<b>India</b>	<b>Lain-lain</b>	<b>JUMLAH</b>
SPM	49	2	13	1	<b>65</b>
Ting 4	-	1	-	-	<b>1</b>
PMR	22	3	7	-	<b>32</b>
Ting 3	-	4	-	-	<b>4</b>
Ting 2	3	5	1	-	<b>9</b>
Ting 1	-	3	-	-	<b>3</b>
UPSR	2	13	-	-	<b>15</b>
Tidak diperolehi	1	-	-	-	<b>1</b>

## f) Taburan Tempat Tinggal Asal

Taburan tempat tinggal asal pelatih dari luar bandar dan bandar agak seimbang. 61 orang pelatih berasal dari luar bandar dan 69 lagi dari bandar. Pelatih Melayu mencatat kekerapan yang paling tinggi di mana 45 pelatihnya berasal dari luar bandar, manakala 32 lagi berasal dari bandar. Pecahan kedua terbesar ialah Cina, seramai 31 orang. Daripada jumlah itu, 11 orang pelatih berasal dari luar bandar manakala 20 lagi dari bandar. Hanya empat pelatih India berasal dari kampung daripada 21 pelatih semuanya. Baki 17 orang pelatih India berasal dari bandar. Pelatih tunggal dari Sarawak berasal dari kawasan luar bandar.

Jadual 6: Taburan Tempat Tinggal Asal Pelatih Mengikut Pecahan Kaum.  $N = 130$

<b>T.Tinggal</b> <b>Etnik</b>	<b>Luar Bandar</b>	<b>Bandar</b>	<b>JUMLAH</b>
Melayu	45	32	77
Cina	11	20	31
India	04	17	21
Lain-lain	01	-	01
<b>JUMLAH</b>	<b>61</b>	<b>69</b>	<b>130</b>

### g) Pekerjaan Pelatih

Kesemua pelatih yang didapati telah bekerja adalah pekerja-pekerja di sektor kurang mahir dengan pendapatan yang rendah. (Jadual 7)

Jadual 7 : Pecahan Pelatih Mengikut Pekerjaan.  $N = 130$

Pekerjaan Pelatih	$f$
Buruh	01
Hotel	01
IT Data	02
Juru kimpal	01
Juruteknik	01
Kedai perabot	01
Kilang	04
Kontraktor	03
Mekanik	12
Pasang tangki	01
Pelajar	04
Pelayan restoran	02
Pembantu kedai runcit	03
Pemotong mozek	02
Peniaga	03
Petani	01
Tidak bekerja	70
Tidak diperolehi	12
Tukang kayu	01
Tukang masak	05
<b>N</b>	<b>= 130</b>

## h) Pekerjaan Waris

Majoriti waris atau penjaga pelatih di kedua-dua kem ini adalah pekerja-pekerja di sektor kurang mahir dengan pendapatan rendah. (Jadual 8)

Jadual 8 : Pecahan Pelatih Mengikut Pekerjaan Waris.  $N = 130$

Pekerjaan Waris	$f$
Buruh	14
Cikgu	02
JKR	01
Jururawat	01
Juruteknik	01
Pembantu Kantin	01
Kerani	07
Kilang	02
Kontraktor	05
Mekanik	02
Nelayan	03
Operator	02
Pegawai bomba	01
Pegawai kastam	01
Pemandu	16
Pembantu kesihatan	01
Pengawal	06
Penghulu	01
Pengurus wilayah	01
Peniaga	09
Penoreh	03
Peneroka	02
Pentadbir	02
Pesara	04

Petani			06
Polis			02
Restoren			01
Saloon			01
Setiausaha			01
Supervisor			01
Suri rumah			09
Tentera			01
Tidak bekerja			14
Tukang besi			01
Tukang kayu			03
Tukang masak			01
Tukang urut			01
Wireman			01
<b>JUMLAH</b>	<b>N</b>	<b>=</b>	<b>130</b>

### i) Kem Asal

Sebanyak 10 IPTA yang terlibat dalam program ini. Pada peringkat pertama latihan dijalankan di kem khas, dan majoriti pelatih terdiri daripada bangsa Melayu (60%), Cina (26%) dan India (8%).

Jadual 9 : Pecahan Pelatih Mengikut Kem Asal.  $N = 130$

<b>Kem Asal</b>	<b><i>f</i></b>
Kem Kesana Best Resort, Kelantan	13
Kem Kuala Berang, Terengganu	14
Kem Latihan Etnobotani, Gua Musang	05
Kem PDS Resort, Port Dickson	03
Kem Tasoh Anak Bukit, Perlis	05
Kem Telok Rubiah, Perak	09
Kem Telok Sari Endau Mersing, Johor	04
UIAM Gombak	01
UiTM Arau, Perlis	04
UiTM Dungun, Terengganu	07
UiTM Melaka	02
UiTM Merbok, Kedah	05
UiTM Seri Iskandar, Perak	07
UiTM Shah Alam	13
UKM	01
USM	02
UUM Sintok, Kedah	35
<b>JUMLAH</b>	<b>N = 130</b>

## j) Kesalahan Pelatih

Kajian ini telah dapat mengenal pasti jenis-jenis kesalahan atau faktor-faktor yang menyebabkan pelatih-pelatih tersebut dipindahkan dari kem asal ke kedua-dua kem khas tersebut. Jenis kesalahan yang paling kerap dilakukan pelatih ialah terlibat dalam pergaduhan sehingga dibawa ke peringkat siasatan polis, iaitu sebanyak 75 kes.

Kesalahan kedua yang paling kerap dilakukan ialah bersikap degil, ingkar dan tidak berdisiplin (sebanyak 44 kes). Pelatih-pelatih yang melakukan kesalahan ini telah dikenal pasti oleh pihak kem komandan, jurulatih dan juga urusetia sebelum mereka dihantar untuk mengikuti program latihan khidmat negara (khas) ini. Sebanyak 17 kes bergaduh lebih daripada sekali, 16 kes kesalahan jenayah seperti mencuri, merompak dan sebagainya. Manakala kesalahan yang paling sedikit dicatatkan ialah merosakkan harta benda, iaitu sebanyak 4 kes. (*Jadual 10*)

Jadual 10 : *Jenis-jenis kesalahan Pelatih dan kekerapannya.*

<b>Jenis kesalahan</b>	<b>Terlibat dengan pergaduhan &amp; dibawa dalam siasatan polis</b>	<b>Bergaduh lebih dari sekali</b>	<b>Melakukan perbuatan jenayah</b>	<b>Bersikap degil, engkar dan tidak berdisiplin</b>	<b>Merosakkan harta benda</b>
Kekerapan	75	17	16	44	04

### k) Kesalahan Pelatih Mengikut Pecahan Kaum

Kajian ini telah mengenal pasti bahawa pelatih Melayu lebih kerap melibatkan diri dalam pergaduhan iaitu sebanyak 36 kes daripada 75 kes keseluruhannya berbanding dengan pelatih Cina sebanyak 23 kes, 15 kes disabitkan dengan pelatih India dan seorang pelatih Bumiputra Bidayah.

Bagi kesalahan degil, ingkar dan tidak berdisiplin, sebanyak 35 kes dicatatkan melibatkan pelatih Melayu, diikuti 8 kes melibatkan pelatih Cina dan 1 kes oleh pelatih Bumiputra Bidayah. Daripada 17 kes kesalahan bergaduh lebih daripada sekali yang dicatatkan, 9 daripadanya melibatkan pelatih Cina dan 8 kes melibatkan pelatih Melayu.

Manakala bagi kesalahan jenayah pula, pelatih Melayu mencatatkan bilangan yang paling tinggi iaitu sebanyak 10 kes daripada 16 kes yang dicatatkan dan bakinya adalah pelatih India iaitu 6 kes. Manakala bagi kesalahan merosakkan harta benda pula, keempat-empat kes yang dicatatkan adalah melibatkan pelatih Melayu. (*Jadual 11*)

Jadual 11 : Pecahan Kesalahan Pelatih Mengikut Bangsa.

Jenis kesalahan Etnik	1		2		3		4		5	
	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%	<i>f</i>	%
Melayu	36	48	8	47	10	62.5	35	79.5	4	100
Cina	23	30.7	9	53	0	0	8	18.2	0	0
India	15	20	0	0	6	37.5	0	0	0	0
Lain-lain	01	1.3	0	0	0	0	1	2.3	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>75</b>	<b>100</b>	<b>17</b>	<b>100</b>	<b>16</b>	<b>100</b>	<b>44</b>	<b>100</b>	<b>4</b>	<b>100</b>

*Petunjuk : Jenis salah laku;*

- 1- Terlibat dengan pergaduhan dan dibawa dalam siasatan polis.
- 2- Bergaduh lebih daripada sekali.
- 3- Melakukan perbuatan jenayah (seperti mencuri, peras ugut, merompak).

## **Penilaian Urusetia**

Apabila ditanyakan kepada urusetia tentang kejayaan program ini, mereka merujuk kepada perubahan tingkahlaku pelatih. Tidak ada perubahan tingkahlaku yang positif berlaku di kalangan pelatih selama program ini dijalankan baik daripada segi perubahan tingkahlaku, kawalan emosi dan penghayatan agama. Maka program ini dianggap gagal.

## **RUMUSAN**

Rumusan daripada kajian ini menunjukkan bahawa kesan-kesan negatif ditemui dalam program ini. Ia berpunca daripada ketiadaan perancangan awal untuk mengadakan program khas bagi mereka yang memerlukannya. Dari segi modul pula, ia tidak dapat dibentuk dengan sistematik dan baik walaupun ada usaha dari Biro Tatanegara (BTN) untuk mencari khidmat pakar. Usaha untuk membina dan mengkaji modul khas ini tidak dijalankan dengan sempurna dan teliti.

Di samping itu, didapati matlamat dan objektif program khas ini tidak jelas kepada semua pihak sama ada, pembina modul, perlaksana atau jurulatih, fasilitator dan urusetia dan juga pada para pelatih itu sendiri. Ini diikuti dengan sistem atau proses pemilihan pelatih yang tidak begitu jelas.

### **3.9 CADANGAN**

#### **1- Matlamat Yang Jelas**

Matlamat kem khas ini perlulah jelas baik daripada segi modul, program, bentuk pendekatan dan pelaksanaannya supaya ia selari dengan matlamat asal program tersebut. Ketiadaan matlamat dan objektif program, akan membawa kepada kecelaruan dalam proses pengurusan program ini.

#### **2- Kaedah Rujukan Pelatih**

- i. Kaedah memilih atau merujuk pelatih ke kem khas ini haruslah jelas dan telus. Kaedah merekod data yang baik dan lebih efisien perlu ada.
- ii. Setiap pelatih Latihan Khidmat Negara (Khas) harus dimaklumkan bahawa mereka akan dihantar ke kem khas sekiranya melanggar peraturan yang telah ditetapkan.
- iii. Kesalahan pelatih harus dimaklumkan dan mengapa mereka perlu dihantar ke kem khas.
- iv. Sistem rujukan antara kem biasa dan kem khas perlu diwujudkan. Rekod-rekod untuk rujukan perlu disediakan dengan baik dan sistematik; seterusnya diserahkan kepada kem khas pada masa para pelatih dihantar dan dirujuk ke kem khas.

#### **3- Keperluan Screening Dadah/ HIV/ AIDS**

- i. Semua pelatih yang memasuki kem khas haruslah di'screen' dari segi tahap penglibatan dengan dadah, rokok, HIV dan AIDS.

#### **4- Pengharaman Rokok Dan Telefon Bimbit**

- i. Pengharaman rokok dan telefon bimbit harus ditegaskan untuk membolehkan para pelatih merasakan kelainan berada di kem kerana kemudahan telefon bimbit banyak membuatkan para pelatih sentiasa mendapat berita dari luar yang membimbangkan dan menaikkan kemarahan mereka.
- ii. Aliran komunikasi antara jurulatih, kaunselor dan pengurus kem harus dibuat dengan baik dan sentiasa berkekalan.

#### **5- Pembinaan Modul**

- i. Modul program khas ini mestilah dibina dengan baik dan teliti oleh pakar-pakar dan berasaskan kepada sesuatu teori yang boleh dipertanggung jawabkan.
- ii. Modul mesti dibincangkan dan diterangkan terlebih dahulu kepada jurulatih, kaunselor dan urusetia agar semua pihak memahami matlamat, kaedah pelaksanaan, pendekatan dan kaedah penilaian yang perlu dibuat untuk memastikan modul program ini mencapai matlamatnya.
- iii. Modul program khas ini mestilah diuji dan menjalani kajian rintis agar ia dapat dibaiki dimana terdapat kelemahannya.
- iv. Modul mestilah memberikan ruang untuk disesuaikan dengan pelatih yang bakal menggunakannya.
- v. Modul program khas ini mesti mengambil kira latarbelakang para pelatih yang pelbagai.
- vi. Aktiviti keagamaan perlu dimasukkan agar ia menjadi asas kepada panduan hidup para pelatih apabila keluar daripada program ini nanti.

## **6- Kaunseling**

- i. Kaunselor perlu membuat laporan kes dengan lengkap bagi membolehkan kesnya disambung dengan strategi yang sesuai oleh kaunselor lain.
- ii. Konferensi kes harus diadakan untuk mencari strategi dan pendekatan yang baik untuk para pelatih.
- iii. Ujian psikologi yang digunakan harus ditafsirkan kepada para pelatih agar ia dapat membantu dalam usaha memahami diri mereka sendiri.
- iv. Perlu kaunselor yang tetap untuk mengendalikan program khas ini.
- v. Sesi kaunseling perlu mempunyai modul dan sistem rekod yang cekap, teratur dan sistematik.

## **7- Pemantauan**

- i. Penyelaras harus membuat pemantauan yang baik dan dapat menjadi pakar rujuk kepada pelaksana yang berada di dalam kem tersebut untuk rujukan. Hubungannya dengan pelaksana program perlu ada dan 'terbuka'.
- ii. Modul boleh diubahsuai oleh pemantau bila dirasakan perlu sesuai dengan keadaan dan keperluan.

## **8- Pihak Sekolah**

- i. Sekolah perlu memberikan lebih perhatian kepada pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran agar mereka dapat merasai suasana bersekolah yang mengembirakan. Strategi pembelajaran yang menyeronokkan dan berkesan perlu di'budaya'kan oleh para guru dan pihak sekolah.

- ii. Kelas-kelas pemulihan di sekolah rendah harus diaktifkan bagi mengenalpasti pelajar yang dijangka akan 'drop out' untuk diberikan pemulihan. Mereka yang tercicir awal ini boleh menghadapi masalah dari segi hubungan kaum, pandangan terhadap diri sendiri dan orang lain.
- iii. Amalan memberikan tumpuan kepada beberapa orang pelajar sahaja atau pilih kasih perlu dihindarkan. Kaedah pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar perlu diamalkan.

## **9- Model-Model Perubahan Tingkahlaku.**

Perubahan dan pembentukan tingkahlaku bukanlah satu usaha yang mudah. Namun, dengan kaedah yang sistematik berpandukan kepada model yang teruji, Perubahan dan pembetulan tingkah laku para pelatih dapat dibentuk. Oleh itu, perancangan teliti berdasarkan model-model tertentu harus diselidiki

## **10- Disiplin.**

Kawalan lebih ketat dan tegas terhadap para pelatih Program Khidmat Negara (Khas) harus dibuat bagi memastikan tahap disiplin pelatih dapat dikawal. Apabila kawalan disiplin dapat dilaksanakan, maka beberapa masalah yang ditimbulkan daripada para pelatih dapat dikurangkan.

## **11- Integrasi Kaum.**

Aktiviti seperti sukan, lawatan, 'jungle tracking', permainan berunsurkan pendidikan dan sebagainya perlu diwujudkan. Melalui aktiviti ini, perpaduan, kerjasama dan sikap tolong-menolong antara satu sama lain mungkin dapat disemai tanpa mengira kaum.

## **12- Peluang Kerjaya.**

Kebanyakan pelatih yang terlibat dalam Program Khidmat Negara (Khas) tidak mempunyai sebarang pekerjaan khusus untuk menampung kehidupan mereka. Mereka telah dipanggil untuk menyertai program ini sebaik tamat persekolahan sama ada di tingkatan lima atau selepas mengambil peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM). Para pelatih ini perlu diberi peluang dan dibimbing dengan ceramah atau taklimat tentang kerjaya. Didapati amat kurang pendedahan diberikan kepada para pelatih selama mereka berada di kem.

## **13- Sistem Pemilihan Awal Pelatih**

Dalam proses pemilihan awal pelatih, JLKN sepatutnya merujuk kepada Kementerian Pendidikan untuk memilih para pelatih yang berumur 18 tahun dan mempunyai latarbelakang pendidikan SPM. Melalui cara ini, JLKN boleh mendapat beberapa maklumat penting mengenai pelatih seperti latar belakang rekod kesihatan, rekod disiplin pelatih dan sebagainya. Seterusnya, cara ini dapat mengatasi beberapa masalah yang mungkin dihadapi semasa proses latihan berjalan.

LAMPIRAN A- MINGGU PERTAMA

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30 TGH	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG	4.30-5.30
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MENGAPA AKU DI SINI	REHAT	ICE-BREAKING	REHAT	PEMBENTUKAN KUMP-IPW	REHAT
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	IDENTIFIKASI MASALAH	REHAT	IDENTIFIKASI MASALAH: PSIKOMETRIK	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	PENGURUSAN EMOSI	REHAT	BENGGKEL PENGURUSAN EMOSI	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	PENGURUSAN STRES	REHAT	BENGGKEL PENGURUSAN STRES	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MENGENAL DIRI: SIAPA SAYA	REHAT	BENGGKEL MENGENAL DIRI:SIAPA SAYA	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	LAWATAN ALAM SEMULAJADI	REHAT	LAWATAN ALAM SEMULAJADI	REHAT		

5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN

**MINGGU KEDUA**

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30 TGH	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG	4.30-5.30
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MENGENAL DIRI: PERSONALITI	REHAT	UJIAN PERSONALITI JEPI	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MENGENAL DIRI: PERSONALITI	REHAT	UJIAN PERSONALITI IPS	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MENGENAL DIRI: MINAT KERJAYA	REHAT	UJIAN MINAT KERJAYA	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MENGENAL DIRI: NILAI DIRI	REHAT	UJIAN NILAI DIRI	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MENGENAL DIRI: KONSEP KENDIRI	REHAT	UJIAN KONSEP KENDIRI	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	PERMAINAN TRADISIONAL	REHAT	PERMAINAN TRADISIONAL	REHAT		

5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN

MINGGU KETIGA

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30 TGH	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG	4.30-5.30
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KERJAYA: BINA MATLAMAT 1	REHAT	BENGGEL BINA MATLAMAT 1	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KERJAYA: BINA MATLAMAT 2	REHAT	BENGGEL BINA MATLAMAT 2	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	MEMBUAT KEPUTUSAN	REHAT	BENGGEL MEMBUAT KEPUTUSAN	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KENEGARAAN: KONSEP NEGARA	REHAT	BENGGEL KENEGARAAN 1	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KENEGARAAN: TANAH	REHAT	BENGGEL KENEGARAAN 2	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	LAWATAN SOSIAL	REHAT	LAWATAN SOSIAL	REHAT		

5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN

**MINGGU KEEMPAT**

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30 TGH	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG	4.30-5.30
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KENEGARAAN: RAKYAT	REHAT	BENGGEL KENEGARAAN 3	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KENEGARAAN: KERAJAAN	REHAT	BENGGEL KENEGARAAN 4	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KENEGARAAN: KEDAULATAN	REHAT	BENGGEL KENEGARAAN 5	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KEGARAAN: CABARAN DALAM NEGARA	REHAT	BENGGEL KENEGARAAN 6	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KENEGARAAN: CABARAN NEGARA (LUAR)	REHAT	BENGGEL KENEGARAAN 7	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	PERMAINAN TRADISIONAL	REHAT	PERMAINAN TRADISIONAL	REHAT		

5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN

**MINGGU KELIMA**

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30 TGH	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI: ALAM SEKITAR 1	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI: ALAM SEKITAR 2	REHAT	BENGGKEL+ PEMBENTANGAN
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI: SUNGAI 1	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI: SUNGAI 2	REHAT	BENGGKEL+ PEMBENTANGAN
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI: HUTAN 1	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI: HUTAN 2	REHAT	BENGGKEL+ PEMBENTANGAN
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI: KUALITI UDARA 1	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI: KUALITI UDARA 2	REHAT	BENGGKEL+ PEMBENTANGAN
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI: KUALITI AIR 1	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI: KUALITI AIR 2	REHAT	BENGGKEL+ PEMBENTANGAN
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI: KITAR SEMULA	REHAT	BENGGKEL+ PEMBENTANGAN	REHAT	

4.30-5.30	5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN

**MINGGU KEENAM**

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30 TGH	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI	REHAT	KHIDMAT KOMUNITI
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	PENGURUSAN DIRI 1	REHAT	PENGURUSAN DIRI 2	REHAT	

4.30-5.30	5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN

**MINGGU KETUJUH**

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30 TGH	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	PENYELESAIAN MASALAH	REHAT	BENGGKEL PENYELESAIAN MASALAH	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KEMAHIRAN KOMUNIKASI 1	REHAT	BENGGKEL KEMAHIRAN KOMUNIKASI 1	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KEMAHIRAN KOMUNIKASI 2	REHAT	BENGGKEL KEMAHIRAN KOMUNIKASI 2	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	BUDAYA KECEMERLANGAN 1	REHAT	BENGGKEL BUDAYA	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	BUDAYA KECEMERLANGAN 2	REHAT	BENGGKEL BUDAYA	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	LAWATAN KERJAYA	REHAT	LAWATAN KERJAYA	REHAT	

4.30-5.30	5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
REHAT	FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN

**MINGGU KELAPAN**

HARI	5.30-6.30	6.30-7.30	7.30-9.00	9.00-10.00	10.00-10.30	10.30-12.30	12.30-2.30	2.30-4.30 PTG	4.30-5.30
ISNIN	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KEPIMPINAN REMAJA	REHAT	BENGGEL KEPIMPINAN REMAJA	REHAT	DINAMIKA KELOMPOK	REHAT
SELASA	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	REMAJA & UNDANG-UNDANG	REHAT	BENGGEL REMAJA & UNDANG- UNDANG	REHAT	KAUNSELING KELOMPOK	REHAT
RABU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	PENAMPILAN DIRI REMAJA	REHAT	BENGGEL PENAMPILAN DIRI REMAJA	REHAT	RAPTAI PERSEMBAHAN	REHAT
KHAMIS	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	KESELAMATAN REMAJA	REHAT	BENGGEL KESELAMATAN REMAJA	REHAT	RAPTAI PERSEMBAHAN	REHAT
JUMAAT	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	ETIKA SOSIAL REMAJA	REHAT	BENGGEL ETIKA SOSIAL REMAJA	REHAT	RAPTAI PESEMBAHAN	REHAT
SABTU	SUBUH	FIZIKAL	PERSIAPAN DIRI	REFLEKSI	REHAT	REFLEKSI	REHAT	GRADUASI	

5.30-7.00	7.00-9.00	9.00-10.30 MLM
FIZIKAL	REHAT	KEBUDAYAAN
FIZIKAL	REHAT	KAUN. INDIVIDU
FIZIKAL	REHAT	RAPTAI PERSEMBAHAN
FIZIKAL	REHAT	RAPTAI PERSEMBAHAN
FIZIKAL	REHAT	PERSEMBAHAN